

# Sifat keibuan dalam kepimpinan

PADA zaman dahulu wanita sering diketepikan dalam bidang politik. Wanita diperlekehkan dan dianggap lemah sehingga tidak diberikan peluang untuk mempamerkan kredibiliti kepimpinan masing-masing.

Namun, Sirimavo Bandaranaike dari Sri Lanka melakar sejarah dengan menjadi Perdana Menteri wanita pertama di dunia pada tahun 1960. Sejak itu, peranan wanita semakin diangkat dan kian ramai



ZAID

golongan itu yang menjadi ketua negara seperti Perdana Menteri atau Presiden.

Ini termasuklah Perdana Menteri New Zealand ke-40, Jacinda Ardern. Kredibilitinya dalam menangani tragedi tembakan rambang di dua masjid di Christchurch, New Zealand baru-baru ini mendapat pujian ramai.

**Pakar Falsafah dan Pengajian Ketamadunan di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra**

**Malaysia, Prof. Zaid Ahmad** berkata, sifat kematangan yang ada dalam diri Ardern amat luar biasa.

“Beliau berada pada barisan paling hadapan dalam situasi tegang seperti itu dan beliau tidak diwakili oleh orang lain. Sikap ini yang menjadikan nama Ardern disebut-sebut.

“Bukan mudah nak menenangkan hati yang sedang risau, takut dan kecewa namun Ardern berjaya melakukannya,” katanya ketika dihubungi *K2* baru-baru ini.

Tambah Zaid, Ardern juga dilihat

mengambil pemerhatian dari setiap sudut.

“Beliau memandang kejadian dengan sebuah gambaran yang lebih besar daripada sepatutnya. Kita tahu ini bukan pertama kali New Zealand mempunyai Perdana Menteri wanita, namun kewibawaan itu lebih terserlah pada Ardern.

“Mungkin kerana sifat keibuaninya turut memainkan peranan sama. Beliau wanita dan ibu muda berkerjaya. Kelebihan itu yang menjadikan Ardern berbeza dengan pemimpin lain,” ujarnya.